

INDEKS KESELAMATAN MALAYSIA: SATU PERSPEKTIF

**Noor Zahirah Mohd Sidek, Mohd Rizaimy Shaharudin, Wan Nailah
Abdullah, Norazam Mohd Noor**

ABSTRACT

Security is one of the key foundations for the development and prosperity of a country. To assess the level of security in a country, an index can be used to enable year-to-year comparison. This paper proposes an index based on the structure, construct, and policies of the Ministry of Home Affairs. The foundation of the formulation of the security index is the Security and Public Order Policy 2019 (Dasar Keselamatan dan Ketenteraman Awam 2019). Although there have been several reforms and improvements from the policy and implementation, the fundamentals of the policy have not changed. The index is formulated using crime, crime prevention, and other security-related data under the Ministry of Home Affairs jurisdiction. The main findings suggest that as the economy develops, technology-related crimes such as corporate crime, cybercrime, and scams would be the greatest challenge for the enforcement agencies.

Keywords: *Security Index, Malaysia, Crime Index, COVID-19, Measures*

ABSTRAK

Keselamatan merupakan asas penting bagi sesebuah negara di dalam memacu kemajuan dan kemakmuran. Bagi tujuan menilai sejauh mana tahap keselamatan sesebuah negara, pembentukan indeks keselamatan perlu digunakan bagi tujuan analisis dari tahun ke tahun. Kertas kerja ini mengusulkan pembentukan indeks keselamatan berdasarkan struktur, dasar dan polisi di bawah Kementerian Dalam Negeri. Asas utama pembentukan indeks keselamatan ini diandalkan kepada Dasar Keselamatan dan Ketenteraman Awam 2019. Walaupun terdapat beberapa pembaharuan dan penambahbaikan dari polisi dan implimentasi, asas utama masih tidak berubah. Indeks yang telah dibangunkan menggunakan data jenayah, prevensi jenayah dan data-data lain yang berkaitan dengan aspek keselamatan dan ketenteraman awam di bawah bidang kuasa Kementerian Dalam Negeri. Dapatan kajian ini menunjukkan kadar jenayah meningkat semasa ekonomi berkembang dan jenis jenayah yang menggunakan teknologi canggih seperti jenayah korporat, serangan siber dan jenayah scam merupakan cabaran besar bagi pihak penguatkuasaan pada masa terdekat.

Kata Kunci: Indeks Keselamatan, Malaysia, Indeks Jenayah, COVID-19, Mengukur

PENGENALAN

Terdapat pelbagai indeks yang menilai tahap keselamatan dan menjadi panduan sesebuah negara untuk mengambil langkah-langkah proaktif dalam memastikan keselamatan masyarakat sentiasa terpelihara di sesebuah negara. Antara pengukur global terkemuka di dunia yang menjadi rujukan indeks utama adalah Global Peace Index (GPI). Ianya diusahakan oleh Institute of Economics and Peace (IEP) bagi mengukur tahap keharmonian di negara-negara di seluruh dunia serta kedudukan tahap keamanan setiap tahun (Global Peace Index (GPI), 2021). Laporan yang dianalisis adalah berdasarkan data komprehensif mengenai trend dalam keharmonian, nilai ekonominya, dan bagaimana mengembangkan masyarakat yang lebih aman (i) (*Ongoing Domestic and International Conflict*); (ii) (*Societal Safety and Security*); dan (iii) (*Militarisation*).

Pada tahun 2021, Global Peace Index (GPI) telah mengeluarkan tahap indeks kepada 163 negara dan wilayah bebas mengikut tahap kedamaian mereka. Tahap ketenangan global rata-rata merosot sebanyak 0.07 peratus dengan 87 negara bertambah baik, dan 73 mencatat kemerosotan. GPI 2021 memperlihatkan dunia kepada konflik dan krisis yang muncul dalam ketegangan dan ketidakpastian akibat daripada pandemik COVID-19. Hasil analisis menunjukkan Iceland adalah negara paling selamat di dunia untuk tahun ke-13 berturut-turut. Negara ini mempunyai tahap jenayah yang sangat rendah disebabkan oleh taraf hidupnya yang tinggi, populasi yang kecil, sikap sosial yang kuat terhadap jenayah, tahap kepercayaan yang tinggi terhadap pasukan polis mereka yang terlatih, berpendidikan tinggi, dan kurangnya ketegangan antara kelas sosial dan ekonomi. Manakala, Malaysia, bagi tahun 2021 telah berada pada kedudukan ke-23 tidak berubah kedudukan yang ketara jika dibandingkan dengan dua tahun kebelakangan ini (GPI, 2021).

Selain itu, data yang diperoleh daripada Numbeo juga merupakan antara rujukan indeks utama dunia. Numbeo merupakan pangkalan data global mengenai sumber maklumat kualiti hidup. Ini termasuklah *Housing Indicator*, *Perceived Crime Rates*, dan kualiti penjagaan kesihatan (Numbeo, 2021). Laman sesawang Numbeo dikendalikan oleh Numbeo doo, sebuah syarikat yang berdaftar di Serbia dan dijadikan sumber oleh ratusan surat khabar utama di seluruh dunia, termasuk Forbes, Business Insider, Time, The Economist, BBC, The New York Times, China Daily, The Telegraph dan banyak lagi.

Berdasarkan laporan tahun 2021, Malaysia menduduki tangga kedua dalam kadar indeks jenayah di rantau Asia. Bagaimanapun, indeks yang dikeluarkan setakat September 2021 itu menunjukkan penurunan kepada 42.11 peratus berbanding 58.55 peratus pada tempoh sama tahun lalu. Ia sekali gus menyaksikan kadar keselamatan di negara ini turut menurun kepada 42.80 peratus, manakala kadar jenayah menurun kepada 57.20 peratus. Kedudukan tersebut dilihat lebih baik berbanding pertengahan tahun 2020, iaitu di tangga keempat bagi perbandingan di antara negara-negara Asia (Numbeo, 2021).

Safe Cities Index (SCI) pula mengukur aspek utama antaranya keselamatan digital, keselamatan kesihatan, keselamatan infrastruktur dan keselamatan diri. Malah, Malaysia telah mengambil kira indeks ini dalam

merangka Dasar Keselamatan dan Ketenteraman Awam (DKKA). Laporan yang dikeluarkan oleh SCI dianalisis oleh Economist Group berpangkalan di London dan dikeluarkan oleh The Economist Intelligence Unit (The EIU). Seperti sebelumnya, indeks merangkumi 60 bandar utama di seluruh dunia dengan 76 petunjuk berkaitan aspek keselamatan bandar yang berbeza (Soo, 2021). Ini dikelompokkan menjadi lima teras keseluruhan iaitu peribadi, kesihatan, infrastruktur, digital, dan teras baharu tahun ini iaitu keselamatan alam sekitar. Penemuan tahun ini menunjukkan Malaysia mencapai tempat ke-32 antara 60 bandar lain dalam Indeks Bandar Selamat 2021, sedikit meningkat dari kedudukan ke-35 yang diduduki pada tahun 2019.

Seterusnya, The Global Organized Crime Index (2021) juga menjadi rujukan di mana ianya dilihat sebagai alat pelbagai dimensi (*multidimensional tools*) yang menilai tahap jenayah dan ketahanan terhadap jenayah terancang untuk 193 negara berdasarkan tiga teras utama iaitu Pasaran Jenayah (*Criminal Markets*), Pelaku Jenayah (*Criminal Actors*), dan Ketahanan (*Resilience*) (The Global Organized Crime Index, 2021). Indeks tersebut berasal dari sumber kuantitatif dan kualitatif, dan disokong lebih daripada 350 penilaian pakar oleh pemerhatian serantau Global Initiative Against Transnational Organized Crime (GI-TOC). Objektif Indeks ini adalah untuk menyediakan maklumat berdasarkan metrik yang akan membolehkan pembuat dasar dan badan benua serta wilayah mengutamakan intervensi mereka berdasarkan kelemahan yang dinilai secara holistik. Dengan cara ini, ia mampu mengukur keberkesanan tindak balas mereka untuk mengurangkan kesan jenayah terancang.

Oleh kerana kebiasaan sesuatu isu itu tidak jelas dinyatakan (*Clandestine Nature*), ia menyebabkan tidak banyak yang diketahui mengenai bagaimana jenayah terancang beroperasi di setiap negara. Untuk mengatasi jurang pengetahuan ini, GI-TOC telah mengembangkan Indeks Jenayah Terancang Global, kepada dua metrik (The Global Organized Crime Index, 2021). Pertama, jenayah terancang adalah berdasarkan skor dari 1 hingga 10 (tahap jenayah terancang terendah hingga tertinggi), dan seterusnya berdasarkan skor pasaran jenayah mereka dan skor pelaku jenayah; dan mengikut ketahanan mereka terhadap jenayah terancang, dari 1 hingga 10 (tahap ketahanan terendah hingga tertinggi). Hasil kajian menunjukkan

gambaran yang membimbangkan mengenai jangkauan, skala dan kesan jenayah terancang pada tahun 2020. Penemuan Indeks yang paling membimbangkan adalah majoriti individu di seluruh dunia tinggal di negara-negara dengan tahap jenayah terancang yang tinggi.


Global Cybersecurity Index (GCI) pula menjadi rujukan yang dipercayai yang mengukur komitmen negara-negara untuk keselamatan siber di peringkat global. Ia mampu membantu dalam meningkatkan kepentingan kesedaran dan melihat isu-isu pada dimensi yang berbeza (Global Cybersecurity Index, 2021). Oleh kerana keselamatan siber mempunyai bidang aplikasi yang luas, merangkumi banyak industri dan pelbagai sektor, tahap pengembangan atau penglibatan setiap negara dinilai berdasarkan lima teras utama. Antaranya adalah (i) Langkah-langkah Undang-Undang, (ii) Langkah-langkah Teknikal, (iii) Langkah-langkah Organisasi, (iv) Pembangunan Kapasiti, dan (v) Kerjasama. Hasil penilaian kelima-lima teras ini kemudiannya digabungkan menjadi skor keseluruhan.

Keperluan untuk ruang siber yang aman dan selamat telah menjadi lebih penting daripada tahun sebelumnya kerana kita semua semakin bergantung pada "*Digital lifelines*". Salah satu cabaran terbesar daripada pandemik COVID-19 adalah mengenal pasti cara untuk saling berhubung dengan secara berkesan, walaupun terdapat ketidakpastian, kegelisahan, dan kepelbagaian perubahan situasi semasa. Pandemik COVID-19 telah mempengaruhi secara dramatik bagaimana masyarakat beroperasi dan ini dibuktikan dengan peningkatan kadar penggunaan talian internet sebanyak 30 peratus secara keseluruhannya (Global Cybersecurity Index, 2021). Dalam merealisasikan potensi ke arah era pendigitalan, ruang siber yang dipercayai dan selamat mesti menjadi kunci dalam membentuk dasar-dasar keselamatan dan ketenteraman masyarakat khususnya di Malaysia.

Malaysia khususnya di peringkat KDN telah merujuk pelbagai indeks daripada pelbagai negara dan agensi bersesuaian dalam merangka DKKA Malaysia. Senarai indeks yang telah dibincangkan di atas menunjukkan beberapa contoh senarai indeks keselamatan di peringkat antarabangsa. Indeks-indeks ini sedikit sebanyak dapat dijadikan sebagai penanda aras terutama bagi pemilihan instrumen yang sesuai dan mengikut standard global.

Trend Jenayah di Malaysia

Rajah 1: Jenayah Kekerasan 2011-2021




Nota: Data bagi tahun 2021 adalah dari bulan Januari hingga September sahaja.

Sumber: PDRM (Jenayah Indeks)

Rajah 1 menunjukkan jumlah jenayah kekerasan yang direkodkan oleh PDRM bagi tahun 2011 sehingga tahun 2021. Jenayah kekerasan yang dilaporkan adalah bunuh, rogol, samun berkawan bersenjata api, samun berkawan tanpa bersenjata api, samun bersenjata api, samun tanpa bersenjata api dan mencederakan. Jenayah samun berkawan tanpa bersenjata api merupakan kes paling banyak direkodkan serta terdapat peningkatan pada tahun 2012 dan 2016 berbanding tahun sebelumnya. Tahun 2012 merekodkan angka tertinggi bagi jenayah samun berkawan tanpa bersenjata api iaitu sebanyak 16,738 kes. Seterusnya, jenayah mencederakan merupakan jenayah kedua tertinggi dilaporkan diikuti jenayah samun tanpa senjata api, rogol, bunuh dan samun berkawan dengan senjata api. Jenayah yang paling sedikit dilaporkan adalah jenayah samun bersenjata api. Secara keseluruhan, didapati jumlah jenayah kekerasan bagi tahun 2011-2021 menunjukkan trend menurun bagi semua jenis jenayah.

Rajah 2: Jenayah Harta benda 2011-2021




Nota: Data bagi tahun 2021 adalah dari bulan Januari hingga September sahaja.

Sumber: PDRM JSJ (Jenayah Indeks)

Rajah 2 menunjukkan jumlah jenayah harta benda bagi tahun 2011 hingga 2021. Jenayah harta benda bagi tempoh tersebut termasuklah curi, curi motokar, curi motosikal, curi van/lori/jentera berat, curi ragut dan pecah rumah dan curi. Curi motosikal merupakan jenayah tertinggi dilaporkan dalam tempoh 10 tahun iaitu pada tahun 2012 dengan 51,259 kes. Jumlah kes kedua tertinggi adalah jenayah curi, diikuti pecah rumah dan curi, curi motokar, dan curi van/lori/jentera berat. Curi ragut merupakan jenayah paling sedikit dilaporkan bagi tempoh tersebut. Secara keseluruhan, didapati jumlah jenayah harta benda menunjukkan trend penurunan dalam tempoh 2011 hingga 2021.

Rajah 3: Tangkapan Penyeludupan 2016 – 2021




Nota: Data bagi tahun 2021 adalah dari bulan Januari hingga September sahaja.

Sumber: PDRM (KDNKA)

Rajah 3 menunjukkan jumlah kes penyeludupan dan jumlah tangkapan berkaitan kes penyeludupan yang dibuat oleh pihak PDRM dalam tempoh lima tahun kebelakangan. Dalam tempoh tahun 2016 sehingga 2021, jumlah kes penyeludupan menunjukkan trend menaik, bermula dengan serendah 568 kes pada 2016 ke 1,570 kes pada tahun 2021, iaitu merupakan angka paling tinggi sepanjang tempoh lima tahun tersebut.

Manakala jumlah tangkapan yang dibuat berkaitan kes penyeludupan pula menunjukkan nilai agak tinggi pada 2016 iaitu sebanyak 1,935 orang, kemudian menurun dengan agak signifikan pada tahun 2017 iaitu sejumlah 850 orang, iaitu angka paling rendah sepanjang tempoh lima tahun. Kemudian trend menaik ditunjukkan bermula 2018 dengan 1,296 tangkapan dan berakhir dengan angka paling tinggi iaitu sebanyak 2,902 tangkapan pada tahun 2021.

Rajah 4: Kes Tangkapan Anti Pemerdagangan Orang dan Penyeludupan Migran 2015 – 2021




Nota: Data bagi tahun 2021 adalah dari bulan Januari hingga September sahaja. Pemerdagangan Orang - Faktor pekerjaan; mencari peluang pekerjaan, faktor kemiskinan di negara asal menyebabkan berlakunya migrasi dan faktor permintaan tenaga buruh. Penyeludupan Migran - Faktor penolak dan penarik, faktor pekerjaan, dan faktor transit.

Sumber: KDN (NSO MAPO)

Rajah 4 memaparkan jumlah kes tangkapan anti pemerdagangan orang dan penyeludupan migran bagi tahun 2015 hingga 2021. Jumlah kes tangkapan pemerdagangan orang tertinggi adalah sebanyak 676 kes iaitu pada tahun 2016, diikuti sebanyak 514 kes pada tahun 2017 dan 305 kes pada tahun 2015. Kes terendah pula adalah sebanyak 59 kes, 83 kes dan 91 kes yang masing-masing berlaku di tahun 2018, 2020 dan 2019.

Kes tertinggi untuk tangkapan migran pula adalah sebanyak 505 kes, 371 kes dan 316 kes masing-masing pada tahun 2020, 2019 dan 2021. Kes terendah pula adalah sebanyak 59 kes, 83 kes dan 91 kes yang masing-masing berlaku pada tahun 2018, 2020 dan 2019. Secara umumnya dapat dilihat bahawa kes tangkapan di bawah anti pemerdagangan orang menunjukkan trend menurun, manakala kes tangkapan anti penyeludupan migran adalah dalam trend menaik.

Rajah 5: Jenayah Indeks Warganegara Asing 2011-2021




Nota: Data bagi tahun 2021 adalah dari bulan Januari hingga September sahaja.

Sumber: PDRM JSJ (*Jenayah Indeks*)

Rajah 5 menunjukkan jumlah tangkapan jenayah indeks warganegara asing bagi tahun 2011 sehingga 2021. Jumlah tangkapan tertinggi direkodkan adalah pada tahun 2015 iaitu sebanyak 14,925 tangkapan. Peningkatan terbesar jumlah tangkapan adalah dari tahun 2014 ke 2015 iaitu dari 6,500 tangkapan kepada 14,925 tangkapan. Penurunan terbesar adalah dari tahun 2019 ke tahun 2020 iaitu daripada 11,166 tangkapan kepada hanya 3,032 tangkapan. Secara keseluruhan, jumlah tangkapan warganegara asing yang terlibat dengan jenayah indeks menunjukkan trend turun naik sepanjang tempoh 2011 sehingga 2021.

Rajah 6: Kertas yang Disiasat Di Bawah Akta Hasutan




Nota: Data bagi tahun 2021 adalah dari bulan Januari hingga September sahaja.

Sumber: PDRM (JSJD)

Rajah 6 menunjukkan statistik siasatan yang disiasat di bawah Akta Hasutan mengikut negeri bermula tahun 2010 sehingga 2021. Terdapat dua jenis siasatan iaitu jumlah kes siasatan yang dilaporkan dan kes yang telah selesai. Selangor merupakan negeri tertinggi dengan jumlah kes yang dilaporkan iaitu sebanyak 113 kertas siasatan yang direkodkan dan sebanyak 91 yang telah selesai. Negeri Perlis merupakan negeri yang mempunyai jumlah kertas siasatan yang terendah dan telah selesai sepenuhnya iaitu sebanyak 5 kertas siasatan. Secara keseluruhan, taburan kes siasatan adalah tidak sekata di seluruh negeri-negeri di Malaysia.

Rajah 7: Jenayah Kewangan dan Pelaburan 2010-2021




Nota: Data bagi tahun 2021 adalah dari bulan Januari hingga September sahaja.

Sumber: PDRM (JSJK)

Rajah 7 menunjukkan jumlah jenayah kewangan dan pelaburan bagi tahun 2010 sehingga 2021. Jenayah mata wang kripto direkodkan bermula tahun 2019. Jenayah kewangan tertinggi direkodkan pada tahun 2020 dengan jumlah 6,978 berbanding kes terendah jenayah ini iaitu tahun 2010 dengan hanya 818 kes. Jenayah pelaburan menunjukkan angka tertinggi pada tahun 2021 walaupun hanya sehingga September 2021. Kes terendah jenayah pelaburan adalah pada tahun 2013 iaitu sebanyak 287 kes. Jenayah mata wang kripto merekodkan peningkatan dari tahun 2019 hingga 2021 iaitu sebanyak 131,144 dan 201 kes. Secara keseluruhan, didapati statistik jenayah kewangan dan pelaburan menunjukkan trend turun naik yang tidak teratur sepanjang tempoh 2010 sehingga 2021 manakala jenayah mata wang kripto menunjukkan peningkatan sepanjang dari tahun 2019 sehingga 2021.

Rajah 8: Statistik Aktiviti Perjudian (Tangkapan) Dari Tahun 2011 Hingga 2021



Nota: Data bagi tahun 2021 adalah dari bulan Januari hingga September sahaja.

Sumber: PDRM (JSJ Perjudian)

Rajah 8 menunjukkan statistik tangkapan bagi aktiviti perjudian dari tahun 2011 hingga 2021. Mulai tahun 2011, jumlah tangkapan bagi aktiviti judi atas talian adalah sebanyak 12,075 dan berlaku sedikit peningkatan pada tahun 2012. Jumlah tangkapan berkurang pada tahun 2013 dan kemudiannya menunjukkan trend menaik sehingga tahun 2015. Tahun 2016 hingga 2019 menunjukkan trend menurun dan didapati terdapat peningkatan tangkapan yang mendadak pada tahun 2020 dan menurun pada tahun 2021. Jumlah tangkapan tertinggi bagi judi atas talian adalah pada tahun 2015 iaitu sebanyak 19,473 tangkapan dan paling rendah adalah pada tahun 2021 iaitu sebanyak 7,416 tangkapan.

Selain itu, Rajah 8 juga memaparkan jumlah tangkapan bagi aktiviti loteri awam tanpa lesen. Rajah 8 menunjukkan trend menaik dari tahun 2011 iaitu sebanyak 2,341 tangkapan hingga tahun 2016 dengan 11,647 tangkapan. Seterusnya jumlah tangkapan menurun pada tahun 2017 kepada 10,552 tangkapan, meningkat sedikit pada tahun 2018 dan kemudiannya

menunjukkan trend menurun. Tahun 2021 telah mencatatkan sedikit kenaikan iaitu sebanyak 8,564 tangkapan bagi aktiviti loteri awam tanpa lesen.

Di samping itu, Rajah 8 juga memaparkan statistik tangkapan bagi aktiviti perjudian luar bangunan. Secara purata, didapati jumlah tangkapan bagi setiap tahun tidak merekodkan banyak perubahan. Tahun 2011 menunjukkan sebanyak 2,341 tangkapan dibuat dan terdapat trend turun naik sehingga tahun 2021. Jumlah tangkapan tertinggi dibuat pada tahun 2020 iaitu sebanyak 2,826 tangkapan manakala jumlah terendah dicatatkan pada tahun 2013 iaitu sebanyak 1,559 tangkapan.

Bagi aktiviti perjudian luar bangunan, kes tertinggi dicatatkan pada tahun 2012 iaitu sebanyak 5,079 tangkapan manakala jumlah terendah dicatatkan pada tahun 2021 iaitu sebanyak 831 tangkapan. Jumlah tangkapan bagi aktiviti perjudian luar bangunan keseluruhannya menunjukkan trend turun dan naik dari tahun 2011 hingga tahun 2021.

Yang terakhir adalah statistik jumlah tangkapan bagi aktiviti perjudian catit taruh. Didapati jumlah tangkapan bagi aktiviti ini adalah rendah berbanding aktiviti-aktiviti perjudian yang lain. Jumlah tangkapan tertinggi dicatatkan pada tahun 2018 iaitu sebanyak 1,179 tangkapan manakala jumlah tangkapan terendah direkodkan pada tahun 2014 iaitu sebanyak 615 tangkapan. Di samping itu juga, rampasan wang tunai daripada perjudian haram mencatatkan pertambahan drastik dari RM2,312,491 pada tahun 2011 kepada RM6,077,309 pada tahun 2018 dan RM5.412,348 pada tahun 2020.

Rajah 9: Jumlah Kes/Tangkapan Di Bawah ADB 1952, AR 1952, APD (R&P) 1983 Dan ADB (LLPK) 1985 Bagi Tahun 2017 Hingga Oktober 2021



Nota: Data diperoleh sehingga tahun Oktober 2021 sahaja.

Sumber: JSJN

Rajah 9 menunjukkan jumlah keseluruhan kes dan tangkapan di bawah ADB 1952, AR 1952, APD (R&P) 1983 dan ADB (LLPL) 1985 bagi tahun 2017 hingga Oktober 2021. Jumlah keseluruhan kes tertinggi direkodkan pada tahun 2019 dengan 147,047 kes manakala jumlah keseluruhan kes terendah direkodkan sehingga Oktober 2021 dengan jumlah kes sebanyak 89,244. Jumlah keseluruhan tangkapan tertinggi di bawah ADB 1952, AR 1952, APD (R&P) 1983 dan ADB (LLPL) 1985 bagi tahun 2017 hingga Oktober 2021 direkodkan pada tahun 2019 dengan jumlah tangkapan sebanyak 175,038 tangkapan dan jumlah keseluruhan tangkapan terendah sebanyak 107,183 tangkapan direkodkan sehingga Oktober 2021. Jumlah keseluruhan kes dan tangkapan di bawah ADB 1952, AR 1952, APD (R&P) 1983 dan ADB (LLPL) 1985 bagi tahun 2017 hingga Oktober 2021 menunjukkan trend

penurunan bermula dari tahun 2020 sehingga kini.


METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian dibahagikan kepada pemilihan perimeter dan metodologi pengiraan indeks.

Klasifikasi Dan Kategori Parameter Indeks Keselamatan Malaysia

Sebelum pengiraan indeks dibuat, indeks keselamatan Malaysia dibentuk berdasarkan parameter berkaitan dengan jenayah, pencegahan jenayah, pemulihan dan trafik. Berdasarkan DKKA 2019, jenayah, pencegahan jenayah dan trafik berada di bawah Teras 3 dan 4, manakala pemulihan boleh dipetakan kepada Teras 5. Teras 1, 2 dan 6 boleh dipetakan secara tidak langsung dengan kategori jenayah dan pencegahan jenayah. Selain itu, kategori dan klasifikasi dibuat berpandukan Pelan Tindakan Strategik KDN 2021-2025. Kategori dan klasifikasi ini dibuat berdasarkan struktur dan peranan agensi-agensi serta jabatan di bawah KDN. Terdapat pelbagai parameter yang digunakan oleh indeks antarabangsa seperti Global Peace Index, World Justice Index dan lain-lain seperti keselamatan, kedaulatan negara, perbelanjaan ketenteraan. Walau bagaimanapun, parameter ini adalah di luar bidang kuasa KDN di mana ianya adalah bidang kuasa kementerian yang lain seperti Kementerian Kesihatan Malaysia, Kementerian Luar Negara, Kementerian Multimedia dan Komunikasi, Angkatan Tentera Malaysia dan sebagainya. Oleh itu, klasifikasi dan kategori parameter bagi kajian ini disusun agar bersesuaian dengan struktur dan bidang kuasa KDN sahaja. Rajah 7.98 menunjukkan klasifikasi parameter untuk pembangunan Indeks Keselamatan Malaysia (IKM) dan Indeks Jenayah Malaysia (IJM) berdasarkan bidang kuasa KDN.

Rajah 10: Struktur Indeks Keselamatan Malaysia



Berdasarkan Rajah 10, Indeks Keselamatan Malaysia di kategorikan seperti berikut:

- (A) Jenayah dikategorikan seperti berikut: Jenayah Indeks, Jenayah Komersial, Jenayah Dadah, Jenayah Awam, Jenayah Sempadan, Jenayah Siber, Jenayah Maritim, Trafik - Kemalangan
- (B) Pencegahan Jenayah
- (C) Pemulihan
- (D) Ancaman Keselamatan

Jenayah boleh dikategorikan kepada beberapa jenis jenayah iaitu jenayah indeks, jenayah komersil, jenayah orang awam, jenayah berkaitan dadah, jenayah di sempadan, jenayah maritime dan jenayah siber. Jenayah indeks terdiri daripada dua jenis jenayah utama iaitu (i) jenayah kekerasan dan (ii) jenayah harta benda. Secara keseluruhannya, jenayah indeks ini meliputi tiga belas (13) jenis kategori jenayah. Jenayah kekerasan merangkumi bunuh, rogol, samun berkawan bersenjata api, samun berkawan tanpa senjata api, samun bersenjata api, samun tanpa senjata api, mencederakan. Manakala jenayah harta benda pula meliputi curi, curi motokar, curi motosikal, curi van/lori/jentera berat, curi ragut, pecah rumah dan curi.

Jenayah komersial terdiri daripada jenayah korporat/persatuan/syarikat, jenayah pemalsuan/ pelencungan/tanah, jenayah kewangan, jenayah pelaburan dan jenayah kripto. Jenayah awam meliputi ugutan, hasutan dan khianat. Jenayah ugutan merangkumi Kanun Kesiksaan (KK) 506, 507, 508, 509 dan 510. Jenayah hasutan merangkumi Akta Hasutan 1948 yang meliputi Kanun Kesiksaan 500, 501 dan 502. Jenayah khianat dan vandalisme merangkumi KK 426, 427, 428, 430, 430A, 431, 431A, 432, 433, 434, 435, 436, 437, 438, 439 dan 440. Jenayah judi pula merangkumi perjudian loteri awam tanpa lesen, perjudian dalam bangunan, perjudian luar bangunan, perjudian catit taruh, warganegara asing yang terlibat dalam perjudian, perjudian *calling center* (CC), perjudian loteri awam dan perjudian tempat bebas.

Jenayah berkaitan dadah termasuklah Seksyen 39B(1), 39B(2), 39A, 39A(1), 6B, 12(3), 9, 6, 30(3), 15(1) dan 3(1) APD (R & P). Rampasan dadah meliputi heroin base (kg), heroin No 3 (kg), heroin No 4 (kg), ganja (kg), kristal syabu (kg), ketamin (kg), pil ekstasi (kg), pil yaba (kg), pil psikotropik (kg), kodein (liter), air ketum (liter) dan daun ketum (kg). Bagi kesalahan berkaitan dadah, hanya jumlah kes sahaja diambil kira.

Jenayah sempadan meliputi semua kes-kes jenayah yang berlaku di sempadan negara. Walau bagaimanapun, data yang diperoleh adalah untuk pemerdagangan orang dan penyeludupan migran dan rampasan dari pihak kastam. Oleh itu, hanya data ini sahaja digunakan untuk tujuan pengiraan jenayah di sempadan. Jenayah MAPO terdiri daripada pemerdagangan orang dan penyeludupan migran. Lain-lain jenayah sempadan rampasan dari JKDM di darat dan data jenayah di sempadan daripada PGA, PDRM dan ESSCOM. Jenayah maritim terdiri daripada rampasan (mengikut Akta) di perairan Malaysia di bawah Akta Kastam 1967, Akta Kawalan Bekalan 1961, Akta Dadah Berbahaya 1952 dan lain-lain Akta yang berkenaan, serta penyeludupan. Jenayah siber yang diambil kira adalah jumlah serangan siber.

Bahagian Trafik merangkumi jumlah kemalangan jalan raya, jumlah kemalangan maut, jumlah kemalangan cedera parah, jumlah kemalangan cedera ringan, jumlah kemalangan rosak sahaja, jumlah kemalangan maut di bawah pengaruh minuman yang melebihi had yang ditetapkan atau dadah,

jumlah kemalangan cedera parah di bawah pengaruh minuman yang melebihi had yang ditetapkan atau dadah, jumlah kemalangan cedera ringan di bawah pengaruh minuman yang melebihi had yang ditetapkan atau dadah, jumlah kemalangan rosak sahaja di bawah pengaruh minuman yang melebihi had yang ditetapkan atau dadah, dan lumba haram. Untuk pengiraan indeks, hanya data jumlah kemalangan keseluruhan sahaja digunakan.

Proses pencegahan meliputi pencegahan jenayah, aktiviti kepolisan dan lain-lain aktiviti untuk mencegah jenayah. Aktiviti kepolisan terdiri daripada Polis Bantuan, Program CVTCP (*Coordinating Volunteerism Through Community Policing*), Program Taman Angkat AMANITA, Pencegahan Jenayah Bersama NGO, Lawatan Pegawai Perhubungan Sekolah (PPS), Satu Masjid Satu Polis (1M1P), Program *Townhall*, Program *Community Engagement Index* (CEI), HBP - *Talk to Us*, Kor Suksis, Rondaan MPV dan Sukarelawan Polis (SSPDRM). Lain-lain jenayah dan pencegahan jenayah pula terdiri daripada Pencegahan maksiat melibatkan pemeriksaan, serbuan, tangkapan, geran bagi tujuan keselamatan melalui ROS dan program-program di bawah RELA. Manakala keperluan untuk pemulihan adalah berdasarkan penagih dadah baru, penagih dadah berulang, banduan, banduan berulang dan banduan di bawah parol. Ancaman keselamatan pula mengambil kira ancaman keganasan (Cawangan Khas), ancaman pemikiran seperti aqidah (JAKIM) dan ancaman-ancaman keselamatan lain di bawah Akta POCA dan POTA.

Metodologi Pengiraan Indeks Keselamatan Malaysia

Pengiraan indeks dilakukan menggunakan tiga (3) kaedah. Kaedah pertama menggunakan metod pengiraan kes berdasarkan 100,000 orang penduduk. Kaedah kedua menggunakan metod pengiraan indeks berdasarkan tahun asas 100 dan kaedah ketiga (3) menggunakan teknik *Principal Component Analysis* (PCA). Kaedah kedua dan ketiga bertujuan untuk menguji kesahihan dapatan daripada kaedah yang pertama (*robustness test*).

(A) Kaedah Per 100,000 Orang Penduduk

Indeks jenayah dikira dengan mengambil jumlah kes di bawah kategori jenayah indeks, dibahagikan dengan jumlah populasi di Malaysia dan didarab dengan 100,000. Contoh formula pengiraan adalah seperti di bawah.

$$\text{Jenayah Indeks} = \frac{\text{Jumlah kes jenayah indeks}}{\text{Populasi}} \times 100,000 \text{ penduduk}$$

(1)

Indeks-indeks yang lain juga dikira berdasarkan persamaan (1).

(B) Kaedah Pengiraan Indeks Berdasarkan Nilai Asas (*Base Value*) 100

Pembangunan indeks melalui tiga (3) langkah utama iaitu:

Langkah 1: Kategori data

Data dikategorikan mengikut kerangka yang telah dibangunkan yang berdasarkan kepada bidang kuasa KDN. Kategori ini juga dibangunkan berpandukan DKKA2019.

Langkah 2: Penentuan pemberat

Sebelum pengiraan indeks dijalankan, pemberat ditentukan dengan kaedah PCA mengikut formulasi di bawah. Penentuan pemberat juga dibuat dengan mengambil kira kepentingan setiap parameter adalah sama di mana pemberat untuk setiap parameter perlu sama untuk menunjukkan kepentingan setiap parameter. Pertimbangan ini dibuat kerana pembentukan polisi DKKA 2019 meletakkan sasaran utama melalui pembentukan enam (6) teras. Oleh kerana parameter berada di bawah keenam-enam (6) teras tersebut, maka pemberat haruslah setara bagi menggambarkan kepentingan setiap parameter yang digunakan. Jumlah item dan sub-item adalah 11, oleh itu pemberat setiap item ialah 0.09 kecuali Jenayah Indeks di mana pemberat yang diberikan ialah 0.1. Jumlah pemberat dinormalisasikan kepada 1.

Langkah 3: Pengiraan indeks

Pengiraan indeks dijalankan mengikut komponen yang telah diklasifikasikan di bahagian 3.1. Setiap komponen indeks seperti indeks jenayah, jenayah komersial, jenayah sempadan, jenayah dadah dan lain-lain di bahagikan dengan jumlah komponen pada tahun 2018 dan didarab dengan pemberat. Jumlah keseluruhan komponen akan didarab dengan 100 untuk menghasilkan indeks berdasarkan nilai tara =100. Tahun 2018 dipilih sebagai tahun asas (base year) kerana semua kategori jenayah dan lain-lain lengkap bermula tahun 2018. Sebelum 2018, jenayah siber belum didatakan sebagai jenayah siber (dimasukkan ke dalam kategori lain) dan data bagi jenayah dadah hanya diperoleh daripada tahun 2017 sehingga 2021. Oleh itu, pengiraan indeks adalah lebih tepat bagi tahun 2018-2020, manakala bagi tahun 2011-2017, terdapat beberapa komponen yang tiada data yang boleh mengurangkan ketepatan pengiraan.

Analisa tambahan menggunakan kaedah PCA juga dijalankan bagi memastikan kebolehpercayaan indeks yang telah dikira seperti di atas menggunakan perisian Stata. Berikut merupakan formula bagi pengiraan IKM secara keseluruhan. Dimensi indeks di dalam formula (1) menunjukkan pencapaian bagi sesebuah negara dalam dimensi i IKM. Kajian ini fokus kepada nilai pemberat yang ditentukan secara endogen melalui kaedah purata. Setiap dimensi ditentukan berdasarkan pemerhatian (*percentile*) ke 90 sebagai nilai maksimum dari taburan nilai dimensi sebagai batas atas (*upper bound*) untuk dimensi.

$$d_i = w_i \frac{A_i - m_i}{M_i - m_i} \quad \text{Pemberat } w_i, 0 \leq w_i \leq 1 \quad (1)$$

di mana,

$$w_i = \text{Pemberat kepada dimensi } i, 0 \leq w_i \leq 1$$

$$A_i = \text{nilai sebenar dimensi } i$$

$$m_i = \text{nilai minimum dimensi } i$$

$$M_i = \text{nilai maksimum dimensi } i$$

$$X_1 = \frac{\sqrt{d_1^2 + d_2^2 + \dots + d_n^2}}{\sqrt{w_1^2 + w_2^2 + \dots + w_n^2}}$$

$$X_2 = 1 - \frac{\sqrt{(w_1 - d_1)^2 + (w_2 - d_2)^2 + \dots + (w_n - d_n)^2}}{\sqrt{w_1^2 + w_2^2 + \dots + w_n^2}}$$

$$PSI = \frac{1}{2} [x_1 + x_2] \tag{2}$$

Formula (2) merupakan IKM, yang mana adalah purata jarak Euclidean di antara 0 dan X. Nilai yang tinggi bermaksud persepsi terhadap keselamatan yang tinggi atau rasa sangat selamat. Bagi jarak Euclidean berbalik antara X dan W dapat dilihat melalui Formula (3) untuk IKM. Lebih jarak antara X dan 0 serta sedikit jarak X dan W menunjukkan persepsi terhadap keselamatan yang semakin baik atau positif di Malaysia. Bagi Formula (4) pula, mengira purata dan yang merupakan nilai akhir indeks, memperlihatkan jarak dari titik yang rendah (*worst point*) dan titik ideal (*ideal point*).

Jika semua dimensi adalah sama penting bagi mengukur tahap inklusif semua pemboleh ubah maka $w_i=1$ bagi semua i . Keadaan yang ideal akan ditunjukkan melalui $w = (1, 1, 1, \dots, 1)$ dalam $n = \text{dimensional space}$ dan formula IKM seperti berikut:

$$IKM = \frac{1}{2} \left[\frac{\sqrt{d_1^2 + d_2^2 + \dots + d_n^2}}{\sqrt{n}} + \left(1 - \frac{\sqrt{(1 - d_1)^2 + (1 - d_2)^2 + \dots + (1 - d_n)^2}}{\sqrt{n}} \right) \right] \tag{3}$$

Menurut kajian ini pula, nilai parameter, w_i ditentukan secara endogen mengikut kaedah purata *parametric* (z) dan IKM dikira berasaskan empat (4) komponen utama iaitu dengan penambahbaikan Tf_k . Oleh yang demikian, formula IKM bagi Malaysia adalah seperti berikut:

$$IKM_k = \frac{1}{2} \left[\frac{\sqrt{p_k^2 + a_k^2 + u_k^2 + f_k^2}}{\sqrt{n}} + \left(1 - \frac{\sqrt{(z - p_k)^2 + (z - a_k)^2 + (z - u_k)^2 + (z - f_k)^2}}{\sqrt{n}} \right) \right] \quad (4)$$

DAPATAN KAJIAN

Indeks Berdasarkan 100,000 orang penduduk

Jadual 3 menunjukkan dapatan keseluruhan semua indeks berdasarkan kiraan 100,000 orang penduduk. Jenayah indeks menunjukkan penurunan dari 572.21 pada tahun 2011 kepada 201.30 pada tahun 2020. Secara keseluruhan, trend bagi jenayah indeks menunjukkan pengurangan kes jenayah kekerasan dan jenayah harta benda secara amnya. Jenayah komersial pula menunjukkan peningkatan terutamanya ketika ekonomi sedang rancak pada tahun 2015 hingga 2019. Jenayah berkaitan orang awam menunjukkan peningkatan dari tahun 2011 hingga 2015 dan mula menunjukkan penurunan semenjak tahun 2016 hingga kini. Walau bagaimanapun, jenayah dadah masih pada tahap yang sama semenjak tahun 2017. Jika dibandingkan dengan indeks jenayah yang lain, kes berkaitan dadah adalah melebihi 400 kes per 100,000 orang pada tahun 2017 hingga tahun 2019. Kes dadah menurun sedikit ke paras 373.71 per 100,000 orang penduduk pada tahun 2020 berikutan wabak COVID-19. Jenayah sempadan menunjukkan trend turun dan naik tetapi berkurangan secara drastik semasa wabak COVID-19 di mana sempadan ditutup kecuali untuk pengangkutan barang-barang keperluan. Cubaan serangan siber juga berada di tahap yang agak membimbangkan terutamanya pada tahun 2019 dan 2020. Jenayah maritim di Malaysia agak rendah jika dibandingkan dengan kategori jenayah yang lain. Hanya tahun 2013 sahaja mencatatkan kes per 100,000 orang penduduk yang lebih tinggi berbanding tahun-tahun yang lain.

Kes kemalangan jalan raya masih tinggi di mana kes berada di antara 1500 hingga 1700 kes per 100,000 orang penduduk setiap tahun. Berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), jumlah kes per 100,000 orang penduduk berjaya dikurangkan kepada lebih kurang 1282 kes per 100,000 orang penduduk.

Dari aspek pencegahan, pelbagai aktiviti pencegahan telah dijalankan dari tahun 2011 hingga September 2021. Geran bagi tujuan keselamatan daripada ROS dilaksanakan bagi tahun 2014 hingga 2015 dan 2017 hingga 2019. Rondaan MPV oleh PDRM mula dilaksanakan pada tahun 2020. Aktiviti RELA bermula dari tahun 2016. Data bagi program CVTCP, Taman Angkat, kolaborasi bersama NGO, PPS bermula dari tahun 2016. Program 1M1P bermula dari tahun 2019. *Townhall* dijalankan bermula dari tahun 2020 manakala CEI bermula dari tahun 2018. Jumlah aktiviti-aktiviti pencegahan telah meningkat semenjak tahun 2015. Hasilnya dapat dilihat dengan penurunan kes-kes jenayah indeks. Di samping itu juga, program-program pemulihan telah dipertingkatkan dari tahun ke tahun. Jumlah yang telah dipulihkan meningkat secara gradual semenjak tahun 2011 hingga 2020.

Ancaman keselamatan daripada tahun 2011 hingga September 2021 dibahagikan kepada tiga (3) kategori utama iaitu; ancaman keganasan, ancaman pemikiran dan pelbagai ancaman lain. Data untuk POCA, POTA bermula daripada tahun 2014 manakala data bagi keganasan bermula daripada tahun 2013. Ancaman pemikiran menunjukkan kenaikan mendadak pada tahun 2014 dan 2021. Ancaman keganasan melebihi 100 kes pada tahun 2016 dan 2017. Kes-kes di bawah POCA dan POTA adalah konsisten dari tahun ke tahun. Secara umumnya tahun 2017 dan 2019 mencatatkan jumlah kes-kes ancaman keselamatan tertinggi berbanding dengan tahun-tahun yang lain.

Secara keseluruhan, semua indeks menunjukkan trend penurunan jenayah semasa pandemik COVID-19 manakala aktiviti-aktiviti pencegahan menunjukkan peningkatan. Walau bagaimanapun, data menunjukkan semasa ekonomi meningkat, indeks-indeks jenayah juga meningkat. Oleh itu, KDN perlu mempersiapkan semua jentera bagi menangani peningkatan jenayah apabila ekonomi berkembang pada tahun yang akan datang.

Jadual 3: Indeks mengikut kategori berdasarkan 100,000 orang penduduk

Tahun	Jenayah Indeks	Jenayah Awam	Jenayah Komersial	Jenayah Dadah	Jenayah Sempadan	Jenayah Siber	Jenayah Maritim	Ancaman Keselamatan	Trafik	Pencegahan	Pemulihan
2011	572.21	97.04	23.45		149.10		2.17	0.01	1545.11	93.90	598.90
2012	520.74	108.63	20.54		156.83		2.44	0.05	1567.00	93.64	606.12
2013	486.45	111.86	16.83		185.54		7.09	0.09	1578.49	126.14	705.87
2014	420.11	114.17	16.73		142.45		2.43	2.21	1556.30	150.95	867.21
2015	372.78	146.55	24.68		215.84		2.08	5.67	1579.59	1489.28	951.23
2016	355.17	143.90	41.26		181.63		3.28	9.06	1648.46	1266.45	1006.34
2017	309.68	138.52	37.81	450.88	175.54		2.24	10.31	1667.18	1369.46	1032.55
2018	273.80	132.90	36.17	427.87	174.86	1,849.36	1.80	8.31	1694.13	1438.26	1020.92
2019	256.20	129.93	39.65	451.32	180.25	7,601.08	2.55	9.67	1741.84	1546.35	1127.13
2020	201.30	101.75	39.10	373.71	89.71	6,634.46	3.03	4.40	1282.94	2877.07	955.66
2021	121.76	88.53	29.96	272.50	93.34	1,192.26	1.31	1.53	780.24	2551.27	607.07

Indeks Keselamatan Malaysia (IKM)

Jadual 4 menunjukkan IKM di mana tahun asas yang dipilih ialah pada tahun 2018, IKM menggunakan kaedah PCA dan IJM yang mengambil kira jenayah sahaja. Berdasarkan Jadual 7.12, IKM menunjukkan peningkatan pada tahun 2019 dan menurun pada tahun 2020. Ini menunjukkan kadar jenayah telah menurun sejak tahun 2020. Dapatan ini adalah konsisten dengan dapatan kajian soal selidik di mana indeks persepsi keselamatan meningkat dari 60.1% pada tahun 2020 kepada 60.47% pada tahun 2021. Ini adalah selari dengan penurunan kadar jenayah pada tahun 2020.

Dapatan daripada penggunaan kaedah PCA adalah seperti di Jadual 4. Dapatan daripada kaedah PCA dibuat dengan mengambil kira semua komponen (IKM) kecuali Jenayah Dadah dan Jenayah Siber (IKM2) kerana data bagi kedua komponen ini tidak lengkap untuk pengiraan daripada tahun 2011 hingga 2021. Dapatan untuk IKM2 bagi tahun 2020 hingga 2021 adalah konsisten dengan dapatan daripada kaedah pengiraan indeks berdasarkan tahun asas 2018. Dapatan kajian menunjukkan jenayah secara keseluruhannya menurun. Walau bagaimanapun, apabila Jenayah Dadah dan Jenayah Siber diambil kira (IKM), indeks meningkat pada tahun 2020 tetapi menurun pada tahun 2021. Jadual 4 menunjukkan IKM menggunakan kaedah PCA dan tahun asas 100 dan Indeks Jenayah Malaysia (IJM).

Jadual 4: Pengiraan Indeks Menggunakan Tahun Asas 100 dan Kaedah PCA

Tahun	IKM	IKM-PCA1	IKM-PCA2	IJM	% Perubahan	IJM2	% Perubahan
2011	68.14		1.48	63.56	-	82.55	-
2012	68.84		1.15	64.86	2.05	84.24	2.05
2013	93.19		0.98	92.66	42.86	120.33	42.84
2014	69.92		0.50	64.48	-30.41	83.75	-30.40
2015	85.42		0.17	75.30	16.77	97.79	16.77
2016	91.89		0.08	90.71	20.47	117.80	20.47
2017	87.04		-0.26	95.12	4.86	108.65	-7.77
2018	100.00	1.40	-0.53	99.00	4.08	100.00	-7.96
2019	136.71	2.18	-0.66	141.82	43.25	109.94	9.94
2020	122.73	0.03	-1.12	116.58	-17.80	87.24	-20.65
2021	68.67	-3.61	-1.79	57.03	-51.08	55.55	-36.32

Nota: Data bagi tahun 2021 sehingga September sahaja.

IKM – pengiraan indeks asas 100. Tahun asas ialah 2018.

IKM-PCA1 – pengiraan indeks mengikut kaedah PCA

IKM-PCA2 – pengiraan indeks mengikut kaedah PCA tanpa jenayah siber dan dadah (dua jenis data ini hanya lengkap dari tahun 2018 sahaja)

IJM – pengiraan indeks tahun asas 100 untuk jenayah sahaja

IJM2 – pengiraan indeks asas 100 untuk jenayah sahaja kecuali jenayah dadah dan jenayah siber

Secara keseluruhan, indeks menunjukkan penurunan iaitu kadar jenayah telah menurun daripada tahun 2020 hingga 2021. Dapatan ini adalah konsisten dengan dapatan berdasarkan pengiraan indeks per 100,000 orang penduduk. Dapatan ini juga adalah konsisten dengan dapatan kajian kaji selidik. PSI telah meningkat dari 60.1% pada tahun 2020 kepada 64.47% pada tahun 2021. Dapatan ini adalah selari dengan IKM dan IJM di mana terdapatnya penurunan. Kadar jenayah yang menurun adalah konsisten dengan peningkatan persepsi terhadap keselamatan dan ketenteraman awam di Malaysia. Ini juga merupakan indikasi bahawa usaha-usaha pencegahan dan penguatkuasaan yang dijalankan oleh agensi-agensi seperti PDRM, APMM, ESSCOM, PGA, JIM, JKDM dan sebagainya telah menunjukkan kesan yang positif.

Berdasarkan dapatan di Jadual 4, kerajaan khususnya KDN perlu meneruskan usaha-usaha yang lebih inovatif dan sesuai dengan peredaran zaman bagi menangani isu-isu keselamatan dan ketenteraman awam terutamanya ketika ekonomi sedang rancak. Ini adalah kerana apabila ekonomi berkembang, kadar jenayah juga meningkat. Oleh kerana jenayah semasa semakin canggih, agensi penguatkuasaan perlu dilengkapi dengan kemahiran yang setara atau lebih baik untuk menangani situasi yang lebih mencabar. Jenayah juga mengalami evolusi di mana jenayah tradisional telah berubah kepada jenayah yang mengguna pakai kemajuan teknologi semasa. Kesiapsiagaan agensi penguatkuasaan terutama PDRM bagi menangani jenayah rentas sempadan perlu diperkemaskan dari masa ke semasa.

PENUTUP DAN SARANAN KAJIAN

Secara keseluruhannya, kadar jenayah telah menurun semenjak tahun 2011 dan penurunan lebih ketara semasa 2020 iaitu ketika negara dilanda wabak COVID-19 di mana kerajaan telah menguatkuasakan perintah kawalan pergerakan yang telah mengekang aktiviti jenayah. Aktiviti pencegahan telah meningkat terutama selepas tahun 2017 sehingga sekarang di mana gandingan agensi penguatkuasaan dan masyarakat telah dipertingkatkan melalui pelbagai aktiviti. Oleh itu, agensi penguatkuasaan perlu meneruskan prestasi yang baik ini dan meningkatkan keupayaan agensi serta aset bagi menangani agenda jenayah yang lebih kompleks dan baharu. Jenayah masa kini memanfaatkan kemajuan dan inovasi teknologi, blok rantai (*block chain*) dan '*internet of things*' terutamanya bagi jenayah komersial dan jenayah rentas sempadan.

RUJUKAN

- DOSM (2021). Crime Statistics, Malaysia, 2020. Department of Statistics Malaysia. Retrieved from https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cthemedByCat&cat=455&bul_id=UFZxVnpONEJqUU5pckJIbzlXeEJ1UT09&menu_id=U3VPMldoYUxzVzFaYmNkWXZteGduZz09
- Global Peace Index (GP1) (2021). Institute for Economics and Peace (IEP), <https://www.economicsandpeace.org>.
- Numbeo (2021, September). Crime in Malaysia, https://www.numbeo.com/crime/country_result.jsp?country=Malaysia
- PDRM (2021). Data. *Unpublished*.
- Soo W. J. (2021, Ogos 23). Kuala Lumpur Ranks 32nd on Safe Cities Index 2021, Slightly Better than in 2019. Malay Mail, <https://www.malaymail.com/news/malaysia/2021/08/23/kuala-lumpur-ranks-32nd-on-safe-cities-index-2021-slightly-better-than-in-2/1999939>
- Sidhu, A. S. (2005). The Rise of Crime in Malaysia: An Academic and Statistical Analysis. *Journal of the Kuala Lumpur Royal Malaysian Police College*, 4(1), 1–28.